

JUDUL : Kosmo

TARIKH : Jumaat, 31 Mei 2019

M/S : 10

World #QuranHour mampu rancakkan pelancongan Islam negara

KUALA LUMPUR - Program World #QuranHour boleh menjadi platform dalam memperhebatkan lagi industri pelancongan Islam negara, kata Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Beliau berkata, ia sejajar dengan reputasi Malaysia yang sememangnya merupakan negara mesra Muslim utama dan menjadi destinasi tarikan pelancong terutama dari negara Timur Tengah serta Asia Tengah seperti Kazakhstan dan Uzbekistan.

“Menurut hasil kaji selidik Indeks Pelancongan Muslim Global 2018, Malaysia kekal berada di tempat pertama sebagai destinasi pelancongan Islam popular dengan jumlah



MUHAMMAD BAKHTIAR (depan, tengah) ketika hadir merasmikan program World #QuranHour 2019 di Perpustakaan Negara Malaysia, di Kuala Lumpur semalam.

skor 380.4.

“Ia berdasarkan kriteria dalam kemudahan perkhidmatan mesra Islam yang mudah didapati merangkumi restoran halal,

kawasan dan ruang solat serta lapangan terbang dan hotel yang mesra Islam,” katanya sempena majlis pelancaran World #QuranHour peringkat

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini semalam.

Menurutnya lagi, kerajaan juga komited menghasilkan produk pelancongan Islam negara dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pengurusan pentadbiran negara, memacu pertumbuhan hab dan produk halal serta pembinaan infrastruktur dan mercu tanda berkonsepkan seni bina Islam.

Dalam pada itu, beliau berkata, program World #QuranHour hasil inisiatif Yayasan Warisan Ummah Ikhlas yang memasuki edisi keempat sejak dilaksanakan pada tahun 2016 itu bertujuan menggalakkan setiap individu berinteraksi dengan Al-Quran melalui bacaan, kefahaman dan amalan.